

Pendidikan seks

Berita Harian 2-8/09/2010 M/S 15

Sejauh manakah keperluan dan kewajarannya?

HASRAT kerajaan melaksanakan pendidikan seks di sekolah sebagai satu cara menangani peningkatan gejala sosial di kalangan remaja dilihat sebagai usaha wajar.

Kajian pelaksanaan pendidikan seks perlu dilakukan secara lebih terperinci dan mendalam kerana ia membabitkan kesan jangka panjang terhadap masa depan generasi muda.

Keputusan pelaksanaan pendidikan seks ini tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa. Ini kerana reaksi secara *knee-jerk* tidak akan membantu menyelesaikan masalah.

Britain terlebih dulu melaksanakan pendidikan seks di sekolah. Namun, ternyata mereka masih gagal membanteras gejala sosial yang berlaku malah lebih parah lagi, gejala sosial dalam masyarakat itu semakin meningkat.

Dalam hal ini, saya melihat pendidikan seks bukanlah penyelesaian terbaik untuk menangani masalah sosial di negara ini.

Apa yang lebih mustahak ialah penekanan dan pemahaman serius terhadap sistem pendidikan Islam dan sivik itu sendiri.

Pada hemat saya, sistem pendidikan Islam sedia ada perlu dikaji dan diperbaharui semula kerana pendidikan berkenaan bersifat mata pelajaran semata-mata tanpa menjadikan pendidikan Islam itu sebagai bimbingan menyeluruh.

Kesan besar yang bakal dihadapi sekiranya pendidikan seks ini benar-benar dilak-



SISTEM pendidikan Islam perlu dikaji sebagai pilihan terbaik menangani masalah ummah.

“Britain terlebih dulu melaksanakan pendidikan seks di sekolah. Namun, ternyata mereka masih gagal membanteras gejala sosial yang berlaku malah lebih parah lagi gejala sosial dalam masyarakat itu semakin meningkat”

sanakan, dilihat seolah-olah membuka jalan dan peluang kepada remaja untuk melakukan zina.

Ini kerana, mereka sudah tidak perlu bimbang dan beralasan lagi terhadap perkara ini kerana sistem pendidikan sendiri yang mengajar mereka ke arah itu.

Selain itu, saya melihat pelaksanaan pendidikan seks ini lebih kepada usaha untuk merawat dan bukannya

“Sistem pendidikan Islam sedia ada perlu dikaji dan diperbaharui kerana pendidikan berkenaan bersifat mata pelajaran semata-mata tanpa menjadikan pendidikan Islam itu sebagai bimbingan menyeluruh”

mencegah, sedangkan usaha mencegah itu lebih penting daripada usaha merawat.

Pihak pelaksana harus mengambil kira pandangan semua pihak mengenai isu itu kerana kesilapan dalam membuat keputusan khususnya perkara membabitkan dasar negara akan memberi kesan kepada semua pihak termasuk masyarakat.

Justeru, keputusan bernas dan munasabah amat perlu

“Tindakan tegas, bernas dan munasabah amat perlu untuk melahirkan generasi muda terpelajar dan berakhlak mulia. Tamadun bangsa akan runtuh jika generasi muda rapuh pegangan dan sistem nilainya”

untuk melahirkan generasi muda terpelajar, terdidik dan berakhlak mulia.

Sesuatu tamadun bangsa akan runtuh jika generasi muda mereka rapuh pegangan dan sistem nilainya.

**Muhammad Firwan
Norliza,**

Presiden MPP
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia